

## Fasa endemik: Khairy puji sumbangan kakitangan KKM

Oleh [Fahmy A Rosli](#) - April 1, 2022 @ 5:52pm  
[fahmy.azril@bh.com.my](mailto:fahmy.azril@bh.com.my)

PUTRAJAYA: Keupayaan negara masuk ke fasa Peralihan ke Endemik berkuat kuasa hari ini sebahagian besarnya adalah disandarkan kepada usaha yang dilakukan semua kakitangan Kementerian Kesihatan (KKM), kata menterinya Khairy Jamaluddin.

"Semua anda telah dan masih memainkan peranan penting dalam penjagaan kesihatan terutama pada waktu pandemik COVID-19 hingga kini.

"Ramai antara anda bersengkang mata melaksanakan tugas, tidak boleh bercuti ketika kes memuncak terutamanya sekitar pertengahan tahun lalu, terpaksa melalui kuarantin hingga tidak dapat berjumpa pasangan, anak-anak, ahli keluarga serta rakan taulan akibat tuntutan kerja.

"Itu semua anda hadapi dengan tenang. Ya, sudah tentu ada masanya semangat kita menurun dalam saat-saat genting khususnya apabila badan dan minda kita penat. Namun lihatlah hari ini, hasil kerja kuat anda semua, pintu sempadan negara telah dibuka mulai 12 tengah malam tadi (kelmarin)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang KKM hari ini. Hadir sama Timbalan Menteri Kesihatan I, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali.



Khairy (kiri) menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2021 Kementerian Kesihatan kepada Pegawai Siasatan Mohammad Zawawi Hussin. Turut kelihatan Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Kesihatan Datuk Harjeet Singh (kanan). - foto BERNAMA

Mengulas lanjut, Khairy berkata, beliau berbangga dengan tugas kakitangan KKM yang dianggapnya berjaya dilaksanakan secara berkesan berdasarkan apa yang dicapai negara ketika ini.

Justeru, beliau berharap warga KKM terus beristiqamah agar negara benar-benar diisytihar melangkah ke fasa endemik nanti.

"Lihatlah berita dan di laman-laman media sosial. Sebagai contoh, ribuan rakyat Malaysia yang terkandas di Singapura sejak lebih dua tahun lalu kini boleh pulang ke pangkuan keluarga dengan melintasi tambak Johor.

"Ada yang berkereta, menunggang motosikal dan ada juga yang berjalan kaki. Terpancar kelegaan dan kegembiraan di wajah mereka malah ada yang bersorak sambil melintasi sempadan.

"Selain usaha kementerian dan agensi-agensi berkaitan, ingatlah bahawa anda semua, warga KKM juga telah memainkan peranan penting dalam keupayaan kita memasuki fasa peralihan ke endemik hari ini (semalam)," katanya.

Dalam perkembangan lain, Khairy berkata, KKM dalam proses menyiapkan satu Kertas Putih bagi menambah baik sistem penjagaan kesihatan negara yang akan dibentangkan di Parlimen tidak lama lagi.

Kertas Putih itu turut merangkumi penambahbaikan dari segi perkhidmatan kepada orang ramai serta menambah baik skim tugas serta kebajikan warga KKM.

"Penjawat awam adalah aset kepada kerajaan dan penjawat awam juga bertanggungjawab untuk menentukan jatuh bangun masa depan kementerian ini.

"Saya yakin bahawa imej dan prestasi KKM akan berada pada tahap yang tinggi jika kita secara kolektif melaksanakan kerja berpasukan dalam menyumbangkan perkhidmatan yang sejajar dengan slogan KKM 'Kami Sedia Membantu'.

"Kita tidak boleh kekal selesa pada sesuatu tahap pencapaian dan perlu berhadapan serta menangani perubahan persekitaran. Jangkaan pelanggan atau rakyat terhadap perkhidmatan awam semakin hari semakin tinggi dan kita perlu melaksanakan pembaharuan yang berterusan agar memenuhi permintaan dan harapan rakyat.

"Dokumen ini dibangunkan dan akan dibentangkan di Parlimen tidak lama lagi agar segala saranan serta reformasi kesihatan yang dirancang kalis masa depan. Ia akan tetap dilaksanakan tidak kira siapa yang akan menerajui kementerian ini pada masa depan," katanya.